

Dengan peningkatan globalisasi perdagangan, isu Harta Intelektual menjadi semakin penting.

Untuk mencapai pendaftaran Harta Intelektual secara global, ia sangat rumit kepada perusahaan syarikat dan sederhana yang menghadapi masalah modal dan sumber kemanusiaan yang terhad.

Hanya untuk pendaftaran cap dagang, ia adalah berdasarkan kepada keutamaan terhadap “jenis produk, cap dagang dan pendaftaran”. Jika butiran jenama mempunyai lebih daripada satu kelas, walaupun jenama yang sama akan digunakan, jenama lain dari kelas yang berlainan harus didaftarkan secara berasingan, untuk mengelakkan orang lain daripada membuat pendaftaran tersebut.

### **Kelongsaran Dasar Policy**

#### **Perusahaan kecil dan sederhana mempunyai tahap kebimbangan Harta Intelektual yang rendah**

Adakah anda sudah mendaftar Harta Intelektual anda? Harta Intelektual merujuk kepada cap dagang, hak cipta, reka bentuk perindustrian dan juga paten bagi sesebuah syarikat.

Chong Han Kwang, Pengarah Agensi Harta Intelektual berkata, berdasarkan kepada statistik yang terkini, tahun lepas, lebih daripada 90% perusahaan kecil dan sederhana masih belum mendaftar Harta Intelektual mereka.

“Di antara 10% daripada permohonan, hanya 30% daripada mereka berjaya mendaftar cap dagang mereka, dan kebanyakannya adalah dari syarikat luar negara, iaitu dalam anggaran. 17,000 syarikat dan 12,000 bagi syarikat tempatan.”

#### **Tidak memberi perhatian kepada Harta Intelektual akan membawa akibat yang serius**

Apabila beliau ditemuduga oleh akhbar China, beliau menekankan dua aspek yang penting daripada statistik pasaran, iaitu 1) perusahaan kecil dan sederhana mempunyai tahap pengetahuan yang rendah terhadap pendaftaran Harta Intelektual dan mengabaikan kepentingannya, 2) kadar pengizinan yang rendah ketika membuat pendaftaran, memerlukan bimbingan dan bantuan daripada syarikat yang profesional semasa proses permohonan.

Apabila menanyakan mengapa para peniaga Malaysia mempunyai ilmu pengetahuan Harta Intelektual yang rendah, beliau berkata, “ini adalah berkaitan dengan kelongsaran polisi Malaysia.”

“Kini dengan konsep globalisasi, China merupakan pendaftaran Harta Intelektual yang paling tinggi. Kerajaan tempatan China memaksa para peniaga perlu mendaftarkan jenama cap dagang, paten, dan sebagainya sebelum memasarkan produk mereka. Jika tidak, mereka tidak akan dibenarkan memperolehi lesen perniagaan.”

Chong Han Kwang berkata, tetapi Malaysia berbeza daripada China, dimana penggunaan sokongan dan galakan terhadap golongan para peniaga ‘mengharap’ mereka akan

membuat pendaftaran Harta Intelektual secara automatik. Oleh itu, ini menyebabkan kebanyakan syarikat tidak mempedulikan dan tidak memahami kesan yang buruk terhadap isu Harta Intelektual.

Beliau berkata, di selatan Malaysia mempunyai kadar pendaftaran Harta Intelektual yang paling rendah. Lebih daripada 95% perusahaan kecil dan sederhana masih tidak mendaftar Harta Intelektual mereka.

“Walaupun Pulau Pinang dan Kuala Lumpur lebih mementingkan isu Harta Intelektual, tetapi kadar pendaftaran hanya kurang daripada 10%.”

Beliau menjelaskan, kekurangan pengetahuan dan informasi yang relevan menyebabkan para peniaga tidak mempedulikan kepentingan pendaftaran Harta Intelektual sebagai sebahagian daripada perniagaan mereka.

“Sekiranya kami memberitahu kepada para peniaga mengenai kepentingan Harta Intelektual dan memberi penjelasan mengenai proses pendaftaran, yuran dan sebagainya, kebanyakan perusahaan kecil dan sederhana akan menerima dan bersedia untuk melabur modal menjadikan Harta Intelektual paling penting dan bernilai di dalam sesebuah syarikat.

## **Haruslah Menyertai Sistem Madrid**

### **Memudahkan Pendaftaran Permohonan Jenama**

Pendaftaran cap dagang mempunyai 4 jenis, kesemua 4 jenis adalah sama penting. Chong Han Kwang berkata, pendaftaran jenama mengandungi suara (homofoni atau sinonim), logo, gabungan (perkataan dan reka bentuk, dan slogan).

Beliau menegaskan, pendaftaran cap dagang merupakan paling penting di antara empat jenis Harta Intelektual. Hanya negara kita sahaja kekurangan sistem dalam mengendalikan pendaftaran tersebut, oleh itu ramai pengusaha menghadapi dengan masalah pendaftaran ini.

“Sebagai contoh, Malaysia masih belum menyertai di dalam Sistem Madrid, menjadi sebuah negara kontrak.”

Beliau menjelaskan, terdapat 56 buah negara jiran di seluruh dunia, termasuk China dan Singapura dan sebagainya. Kebaikan yang paling besar adalah kebolehan membuat pendaftaran Harta Intelektual antarabangsa di sesuatu negara dan tidak perlu menjelajahi setiap negara untuk mendaftar cap dagang mereka.

### **Merebut Peluang Bagi Pendaftaran Awal**

Sistem Madrid ditubuhkan daripada gabungan Perjanjian Madrid dan Protokol Madrid. Ia telah dikawal oleh Harta Intelektual Organisasi Dunia Geneva, Sweden dimana mempunyai objektif untuk memudahkan proses pendaftaran cap dagang.

Chong Han Kwang berkata, Akta Cap Dagang di negara kita pernah mengalami masalah sebelum ini dan telah disemak semula pada tahun 2007 untuk melindungi para peniaga.

“Sebelum penyemakan dilakukan, para peniaga hanya perlu menunjukkan bukti untuk membuktikan bahawa mereka adalah pengguna ‘Cap Dagang A’ yang asal, peniaga-peniaga lain yang menggunakan ‘Cap Dagang A’ haruslah berhenti dengan segera dan membayar pampasan terhadap penggunaan cap dagang tersebut.”

Beliau menyatakan, ‘Oldtown White Coffee’ ialah salah satu contoh. Sebelum tahun 1997, lebih daripada 10 perniagaan menggunakan jenama ‘Oldtown White Coffee’ telah menghadirkan diri di mahkamah dalam usaha untuk mendapatkan cap dagang tersebut.

“Tetapi tiada seorang pun daripada para peniaga mempunyai bukti untuk membuktikan bahawa mereka adalah pengguna yang terawal bagi cap dagang tersebut, sehingga kini masih tiada keputusan.”

Chong Han Kwang berkata, untuk mengelakkan daripada berlakunya kes yang lebih kurang sama, kerajaan telah menyemak syarat-syarat dan undang-undang terhadap cap dagang pada tahun 1997, jika peniaga tidak membuat pendaftaran cap dagang pada awalnya, maka cap dagang bukan kepunyaan mereka walaupun peniaga tersebut adalah pengguna asal.

“Dalam perkataan lain, cap dagang adalah kepunyaan bagi peniaga yang membuat pendaftaran awal.”

Dengan lebih lanjutnya, reka bentuk logo yang lebih kurang sama tidak seharusnya melebihi 50%.

“Pada beberapa tahun yang lepas, logo ‘Buatan Malaysia’ yang digunakan oleh kerajaan telah menimbulkan beberapa pertelingkahan di dalam pasaran disebabkan oleh persamaan dengan logo ‘Nike’.

### **Para peniaga harus mereka cap dagang dengan bijak**

#### **Memberi perhatian lebih kepada logo berbanding perkataan**

Para peniaga tempatan lebih fokus kepada logo berbanding perkataan.

Chong Han Kwang berkata, lebih daripada 70% syarikat tempatan berfikir bahawa logo lebih penting daripada perkataan, dan mempunyai perwakilan yang lebih luas.

“Sebagai contoh, seorang pengeluar minyak tanah, hanya menggunakan gambar kacang sebagai logo produk mereka dan kekurangan perkataan dalam penjelasan gambar ‘kacang’ tersebut, ini mengakibatkan kehilangan makna yang original dan sukar untuk mewakili produk tersebut.

Beliau berkata, para peniaga perlulah menggabungkan logo dan perkataan dengan unik supaya berupaya untuk menghasilkan produk dan syarikat yang bernilai.

### **Ciptaan perkataan yang baru**

“Para peniaga perlulah mendaftarkan logo dan perkataan bersama-sama supaya dapat melengkapkan pendaftaran cap dagang.

Chong Han Kwang berkata, perkataan yang boleh didaftarkan adalah perkataan yang tidak terdapat dalam kamus, atau peniaga perlu mencipta atau menyunting perkataan yang baru.

“Sebagai contohnya, beliau sebenarnya hendak menamakan “Creative Image” bagi syarikat beliau, tetapi kedua-dua perkataan adalah digunakan secara umum di seluruh dunia, oleh itu ia tidak boleh didaftarkan. Selepas itu, beliau menggabungkan kedua-dua perkataan tersebut menjadi CIMAGE.”

Beliau berkata, kebiasaannya pendaftaran cap dagang akan mengambil masa selama 1 bulan, dimana ia termasuk penyiasatan ke atas logo atau perkataan sama ada telah digunakan oleh peniaga lain.

### **Prosedur pengeluaran juga boleh didaftarkan sebagai paten**

Proses atau prosedur pengeluaran juga boleh didaftarkan sebagai paten ( Patent ).

Produk yang berkualiti biasanya melibatkan rahsia pengeluaran, terutamanya kepada pengeluaran makanan. Chong Han Kwang berkata, sekiranya prosedur pengeluaran telah didedahkan, peniaga tidak dapat mendaftarkan perlindungan paten dan mengelakkan peniruan daripada peniaga lain.

“Anda seharusnya tidak mengabaikan kepentingan paten; ia boleh mengakibatkan kerugian atas hasil ciptaan syarikat dan kemusnahan segala-galanya.”

### **Perlindungan sehingga tamat tempoh**

Beliau menegaskan, sejak tahun 2004 apabila Malaysia menyertai Perjanjian Kerjasama Paten ( PCT ) sebagai salah satu kontrak negara, pemohon mempunyai tempoh masa 12 bulan semasa memohon pendaftaran paten antarabangsa melalui penulisan surat kepada negara-negara jiran.

“Kerajaan tidak membenarkan pendedahan butiran pemohon paten sehingga tamat tempoh semasa permohonan tersebut.”

Beliau berkata, perlindungan tempoh masa paten yang standard adalah 20 tahun, pihak lain boleh mengeluarkan produk yang sama selepas tempoh tersebut.

Perjanjian Kerjasama Paten (PCT) merupakan paten antarabangsa yang asas, ini membekalkan kemudahan prosedur pendaftaran paten secara globalisasi kepada pencipta dan usahawan. Pemohon hanya perlu memohon paten di antara salah satu pejabat PCT dan barulah mereka dapat memperoleh pendaftaran paten di negara-negara jiran yang lain (157 negara).